

PANDUAN PELAKSANAAN PENYELIAAN SECARA JARAK JAUH UNTUK PROGRAM SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH MOD PENYELIDIKAN

KANDUNGAN

1. PENGENALAN
2. DEFINISI
3. PANDUAN PELAKSANAAN
 - 3.1. SYARAT KEMASUKAN
 - 3.2. LAIN-LAIN SYARAT
 - 3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN
 - 3.4. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN
 - 3.5. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI
 - 3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR
 - 3.9. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN
 - 3.10. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN
4. URUSAN PENYELIDIKAN
5. PEPERIKSAAN
6. SYARAT PENGANUGERAHAN

1. PENGENALAN

- 1.1. Dokumen ini adalah sebagai panduan pelaksanaan Kaedah Penyeliaan Jarak Jauh Program Sarjana dan Doktor Falsafah Penyelidikan di UMPSA.
- 1.2. Dokumen ini juga menerangkan peranan dan tanggungjawab pelajar, penyelia, Fakulti, dan Jabatan di UMPSA yang terlibat dalam Penyeliaan Jarak Jauh.
- 1.3. Kaedah Penyeliaan Jarak Jauh terbuka secara sepenuh masa dan separuh masa bagi pelajar tempatan manakala secara sepenuh masa sahaja bagi pelajar antarabangsa yang melaksanakan penyelidikan di luar kampus samada di dalam atau luar negara.
- 1.4. Kaedah ini juga terbuka kepada calon pelajar dalam bidang dan tanpa kelayakan dalam bidang. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu lulus kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian.
- 1.5. Fakulti/ Pusat mempunyai autonomi untuk menentukan kriteria-kriteria tambahan berdasarkan Program Standard (sekiranya ada) seterusnya meluluskan permohonan calon pelajar di bawah kaedah ini. Kriteria-kriteria tambahan ini perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Pengajian Siswazah Universiti (MPSU).

2. DEFINISI

2.1. **Penyeliaan Jarak Jauh**

Penyeliaan Jarak Jauh adalah kaedah penyeliaan yang melibatkan pelajar tempatan dan antarabangsa yang melaksanakan penyelidikan di luar kampus di luar negara.

2.2. **Tempoh Pemastautin**

Tempoh pemastautin merujuk keperluan MQA yang memerlukan keberadaan pelajar di kampus sekurang-kurangnya dalam tempoh satu (1) semester.

2.3. **Bersemuka**

Interaksi fizikal yang sebenar secara berhadapan di antara pelajar dan penyelia/ tutor/ fasilitator/ pengajar.

2.4. **Bersemuka Elektronik**

Interaksi secara maya melalui media elektronik/ teknologi di antara pelajar dan penyelia/ tutor/ fasilitator/ pengajar secara bergerak atau tidak bergerak.

2.5. **Kursus Teras Penyelidikan**

Kursus-kursus wajib lulus yang berkaitan dengan penyelidikan untuk pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah.

2.6. **Kursus Elektif Penyelidikan**

Kursus-kursus yang ditetapkan oleh Universiti sebagai syarat penganugerahan untuk pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah.

3. **PANDUAN PELAKSANAAN**

3.1. **SYARAT KEMASUKAN**

- 3.1.1. Calon pelajar mesti memenuhi syarat kelayakan masuk seperti yang tertera dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang terkini.
- 3.1.2. Calon pelajar perlu mempunyai kemampuan melaksanakan penyelidikan secara sendiri dalam jangka masa lima (5) tahun semasa permohonan dilakukan.
- 3.1.3. Penentuan keperluan pengambilan Penyelia Lapangan/ Penyelia Bersama Luar adalah di bawah tanggungjawab Fakulti bergantung kepada bidang dan keperluan penyelidikan.
- 3.1.4. Pelajar perlu mengemukakan persetujuan secara bertulis daripada Penyelia Lapangan atau Penyelia Bersama dan kebenaran daripada pemilik makmal/lokasi penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan tanpa implikasi kewangan terhadap Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

3.2. **LAIN-LAIN SYARAT**

- 3.2.1. Pelajar Sarjana perlu lulus dua (2) kursus kompetensi manakala Pelajar Doktor Falsafah perlu lulus tiga (3) kursus kompetensi seperti yang dicadangkan oleh Penyelia Utama sebagai syarat penganugerahan.

- 3.2.2. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu lulus kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN

- 3.3.1. Semua pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah sepenuh masa diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian dalam struktur program seperti Jadual 1 dan Jadual 2.
- 3.3.2. Bagi pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah separuh masa, pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian mengikut ketetapan dan prasyarat penilaian dalam tempoh pengajian pelajar separuh masa.
- 3.3.3. Keputusan penilaian adalah mengikut sistem gred seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

Jadual 1

| SEMESTER | KOD SARJANA | COURSE / ASSESSMENT NAME | GRED/STATUS | PRASYARAT |
|----------|-------------|--------------------------------|-------------|---------------------------|
| 1 | M** ***3 | Competency Course I | HL/TS | |
| | MIR1103 | <i>Research Methodology</i> | HL/TS | |
| | MIP1100 | <i>Progress Report 1</i> | MM/TM | |
| 2 | MID1200 | <i>Proposal Defense</i> | LULUS/TS | MIR1103 |
| | MIP1200 | <i>Progress Report 2</i> | MM/TM | |
| | MIC1200 | <i>Colloquium/Seminar</i> | HL/TS | |
| | MIC2200 | <i>Publication of Articles</i> | HL/TS | |
| 3 | M** ***3 | Competency Course 2 | HL/TS | |
| | MID2300 | <i>Pre-Examination</i> | HL/TS | MID1200; MIC1200; MIC2200 |
| | MIP1300 | <i>Progress Report 3</i> | MM/TM | |
| 4 | MID3400 | <i>Final Examination</i> | LULUS/GAGAL | MID2300 |
| | MIP1400 | <i>Progress Report 4</i> | MM/TM | |

*Pelajar wajib mendaftar MIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan MID3400 Final Examination

Jadual 2

| SEMESTER | KOD DOKTOR FALSAFAH | COURSE / ASSESSMENT NAME | GRED/STATUS | PRASYARAT |
|-----------------|--------------------------------|-------------------------------------|--------------------|---------------------------------------|
| 1 | P** ***3 | Competency Course 1 | HL/TS | |
| | PIR1103 | <i>Research Methodology</i> | HL/TS | |
| | PIP1100 | <i>Progress Report 1</i> | MM/TM | |
| 2 | PID1200 | <i>Proposal Defense</i> | HL/TS | PIR1103 |
| | PIP1200 | <i>Progress Report 2</i> | MM/TM | |
| | P** ***3 | Competency Course 2 | HL/TS | |
| 3 | PIC1300 | <i>Colloquium/Seminar</i> | HL/TS | |
| | PIP1300 | <i>Progress Report 3</i> | MM/TM | |
| | PIC2300 | <i>Publication of Articles I</i> | HL/TS | |
| | P** ***3 | Competency Course 3 | HL/TS | |
| 4 | PIP1400 | <i>Progress Report 4</i> | MM/TM | |
| | PIC3400 | <i>Publication of Articles II</i> | HL/TS | |
| 5 | PID2500 | <i>Pre-Examination</i> | HL/TS | PID1200; PIC1300; PIC2300; PIC3400 |
| | PIP1500 | <i>Progress Report 5</i> | MM/TM | |
| 6 | PID3600 | <i>Final Examination</i> | LULUS/GAGAL | PID2500 |
| | PIP1600 | <i>Progress Report 6</i> | MM/TM | |

*Pelajar wajib mendaftar PIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination

*Dua (2) MyCite = Satu (1) Scopus Jurnal. PIC**00 tidak selesai (TS) jika pelajar tidak memenuhi syarat kesetaraan ini.

3.4. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN

3.4.1. Pelajar antarabangsa bertanggungjawab sepenuhnya dalam memenuhi peraturan visa dan imigresen yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

3.5. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN

3.5.1. Lantikan Penyelia Utama/ Penyelia Bersama Dalam/ Penyelia Bersama Luar/ Penyelia Lapangan adalah berdasarkan kelayakan dan syarat lantikan seperti yang tertera di dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang terkini dan bergantung kepada kelulusan Fakulti.

3.6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI

- 3.6.1. Fakulti bertanggungjawab memastikan pelajar memberikan maklumat berkaitan kemudahan dan peralatan penyelidikan di lokasi penyelidikan.
- 3.6.2. Fakulti perlu memastikan pelajar hadir secara bersemuka ke kampus sesuai dengan penetapan syarat tempoh pemastautin bagi pelajar antarabangsa.
- 3.6.3. Fakulti perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dihantar pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.

3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN

- 3.7.1. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam memastikan pelajar lulus kursus-kursus teras yang berkaitan penyelidikan (seperti Metodologi Penyelidikan) dan kursus-kursus elektif yang diperlukan (seperti Kursus Kompetensi).
- 3.7.2. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam merancang dan menyelia penyelidikan pelajar sesuai dengan keperluan penyelidikan jarak jauh. Ini meliputi perancangan Bersemuka dan Bersemuka Elektronik.
- 3.7.3. Penyelia Utama perlu memastikan pelajar hadir secara bersemuka ke kampus sesuai dengan penetapan syarat tempoh pemastautin bagi pelajar antarabangsa.
- 3.7.4. Penyelia Utama perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dinilai pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- 3.7.5. Penyelia Bersama atau Penyelia Lapangan mesti memastikan pelajar memberikan bukti kemudahan penyelidikan di lokasi penyelidikan pelajar.
- 3.7.6. Penyelia Bersama atau Penyelia Lapangan mesti memastikan kemudahan komunikasi seperti internet, komputer dsb. di lokasi penyelidikan pelajar.

3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 3.8.1. Pelajar perlu lulus kursus-kursus teras dan elektif seperti yang telah ditetapkan oleh Penyelia Utama.
- 3.8.2. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1 untuk pelajar Sarjana manakala Jadual 2 untuk pelajar Doktor Falsafah.
- 3.8.3. Pelajar perlu hadir secara fizikal dan memenuhi tempoh pemastautin sekurang-kurangnya 18 minggu (1 semester) sepanjang pengajian.
- 3.8.4. Pelajar perlu mengisi kemajuan penyelidikan pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- 3.8.5. Universiti tidak bertanggungjawab terhadap kemalangan yang menimpa pelajar semasa menjalankan kajian di lokasi penyelidikan serta semasa perjalanan ke Universiti selain yang tertakluk di dalam insurans pelajar. Pelajar adalah digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans peribadi.
- 3.8.6. Pelajar tertakluk kepada semua peraturan universiti dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sepanjang tempoh pengajian.

3.9. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN

- 3.9.1. Calon pelajar dibenarkan untuk menukar permohonan daripada kaedah Konvensional kepada Penyeliaan Jarak Jauh atas sebab-sebab kesihatan yang telah disahkan atau sebab-sebab lain yang diluluskan oleh Fakulti. Calon pelajar perlu mematuhi semua syarat di bawah kaedah Penyeliaan Jarak Jauh.
- 3.9.2. Pertukaran kaedah pengajian dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

- 3.9.3. Pertukaran kaedah pengajian Penyelidikan Jarak Jauh kepada Konvensional adalah dibenarkan. Pelajar hanya dibenarkan untuk membuat penukaran pada semester pertama pengajian sahaja atau dibenarkan pada semester lain atas alasan yang diluluskan oleh Fakulti.

3.10. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

- 3.10.1. Pelajar dibenarkan untuk melanjutkan tempoh pengajian Doktor Falsafah selepas lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.
- 3.10.2. Proses permohonan perlanjutan tempoh pengajian perlu dipatuhi seperti yang tercatat di dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

4. URUSAN PENYELIDIKAN

- 4.1. Pertemuan bersemuka mestilah berlangsung sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 4.2. Penyelia Utama boleh mengesahkan penyelidikan pelajar di luar kampus dengan menggunakan sumber yang dibenarkan dan tertakluk kepada kelulusan Fakulti.
- 4.3. Semua pertemuan dan komunikasi dengan penyelia perlu direkodkan dan diserahkan kepada IPS/Fakulti jika diminta.

5. PEPERIKSAAN

- 5.1. Semua proses dan syarat lulus peperiksaan perlu dipenuhi seperti yang tercatat di dalam edisi terkini Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

6. SYARAT PENGANUGERAHAN

- 6.1. Pelajar perlu memenuhi semua syarat penganugerahan universiti, contohnya lulus kursus Metodologi Penyelidikan, menerbitkan artikel, pembentangan kolokium/seminar dan lain – lain syarat yang dinyatakan.
- 6.2. Telah menjelaskan segala bayaran yuran yang telah ditetapkan.
- 6.3. Maklumat lanjut berkaitan penganugerahan juga boleh rujuk buku edisi terkini Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.